



**NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG  
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1  
TARIKH : **21 Mac 2022**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi beberapa jawatan kosong seperti berikut di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**.

1. Pegawai Ehwat Ekonomi, Gred E41 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan (Kuching)
2. Pegawai Tadbir, Gred N41 (Tetap Berpencen) – 2 kekosongan (Kuching)
3. Pegawai Khidmat Pelanggan, Gred N19 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan (Kuching)
4. Pembantu Awam, Gred H11 (JBC) - 1 Kekosongan (Tanjung Manis)
5. Pengawal Keselamatan, Gred KP11 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan (Kuching)
6. Pemandu Kenderaan, Gred H11 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan (Sibu)

Sesiapa yang berminat boleh melayari laman web [www.sarawaktimber.gov.my](http://www.sarawaktimber.gov.my) untuk keterangan lanjut. Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-recruitment, <https://erecruitment.sarawak.gov.my>.

Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Hanya permohonan yang lengkap serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek dan pemohon yang dipilih untuk sesi temuduga sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon-pemohon **tidak dihubungi dalam masa tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

Tarikh tutup permohonan: **25 Mac 2022**.

1. (a) Jawatan : **Pegawai Ehwat Ekonomi**  
Kekosongan : **Satu (1) jawatan**  
Taraf Jawatan : **Tetap dan Berpencen**  
Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Profesional**  
Klasifikasi Perkhidmatan : **Ekonomi**  
Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**  
**RM2,083.00 - RM9,549.00**

(b) Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,083.00); atau

ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,286.57); atau

iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,490.99); atau

iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,797.62); atau

v. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,797.62); atau

- vi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,899.83); atau

- vii. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM3,002.03); dan

- viii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c ) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab merancang, mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan industri perkayuan serta penyediaan laporan yang berkaitan.

<b>2. (a) Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Pegawai Tadbir</b>
<b>Kekosongan</b>	<b>:</b>	<b>Dua (2) jawatan</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Tetap dan Berpencen</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Pengurusan dan Profesional</b>
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Pentadbiran dan Sokongan</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>:</b>	<b>GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM</b>
		<b>RM2,080.00 - RM9,546.00</b>

**(b) Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00);

- ii. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43); dan

- iii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c) Skop Tugas:**

- a) Bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksana serta memantau aktiviti-aktiviti berkaitan Pembangunan Usahawan, pengurusan Kompleks Industri Perabot PUSAKA, Projek Program Pembangunan Vendor, Program 1AZAM diperingkat PUSAKA, Projek tajaan PUSAKA dan menyelaras pelaksanaan operasi anak syarikat.
- b) Bertanggungjawab merancang, mengurus, dalam urusan pengurusan penggunaan tanah untuk pelaksanaan projek pembangunan, menyelaras urusan mempromosi penjualan lot tanah serta pengeluaran Hak Milik Tanah dan menarik pelaburan di Tanjung Manis. Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dalam jurusan Perancangan Bandar dan Wilayah.

**3. (a) Jawatan dan Gred : Pegawai Khidmat Pelanggan, Gred N19**  
**Kekosongan : Satu (1) jawatan**  
**Taraf Jawatan : Tetap dan Berpencen**  
**Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana**  
**Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan**  
**Jadual Gaji : GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**  
**RM1,352.00 - RM4,003.00**

**(b) Syarat Lantikan :** Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80); dan

- iv. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab dalam mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon, melayani pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan secara tertib dan mesra, memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi, membantu pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan sehingga isu berbangkit selesai. Merekod dan memantau aduan perkhidmatan sehingga selesai dan memaklumkan kepada pelanggan/tetamu dari semasa ke semasa perkembangan di atas aduan pelanggan/tetamu.

<b>4. (a) Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Pembantu Awam</b>
<b>Kekosongan</b>	<b>:</b>	<b>Satu (1) jawatan</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Jawatan Berasaskan Caruman</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Pelaksana</b>
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Kemahiran</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>:</b>	<b>GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM</b>
		<b>RM1,218.00 - RM2,989.00</b>

- (b) Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00); atau

- ii. **(Syarat tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/ motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,264.15); dan

- iii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- iv. **(Syarat Tambahan:** Keutamaan diberi kepada calon yang berasal dari Tg. Manis)

**( c) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

<b>5. (a) Jawatan</b>	:	<b>Pengawal Keselamatan</b>
<b>Kekosongan</b>	:	<b>Satu (1) jawatan</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	:	<b>Tetap dan Berpencen</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Pelaksana</b>
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	:	<b>Keselamatan dan Pertahanan Awam</b>
<b>Jadual Gaji</b>	:	<b>GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM</b>
		<b>RM1,205.00 - RM2,939.00</b>

- (b) Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau

- ii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);

**Syarat Lantikan Tambahan:** Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - d) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - e) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - f) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - g) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- iii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah

Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c ) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan, termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

- 6. (a)**
- |                                 |   |   |
|---------------------------------|---|---|
| <b>Jawatan</b>                  | : | <b>Pemandu Kenderaan</b>  |
| <b>Kekosongan</b>               | : | <b>Satu (1) jawatan</b>   |
| <b>Taraf Jawatan</b>            | : | <b>Tetap dan Berpencen</b>  |
| <b>Kumpulan Perkhidmatan</b>    | : | <b>Pelaksana</b>  |
| <b>Klasifikasi Perkhidmatan</b> | : | <b>Kemahiran</b>  |
| <b>Jadual Gaji</b>              | : | <b>GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM</b><br><b>RM1,218.00 - RM2,939.00</b> |
- (b) Syarat Lantikan** :
- Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
- Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah (PMR)/kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
  - Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
  
(Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:  
  
Lesen Kelas D : RM1,264.15  
Lesen Kelas E/E1/E2 : RM1,310.30  
Lesen Kelas F/H : RM1,356.45  
Lesen Kelas G/I : RM1,402.60
  - Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada



peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- v. **(Syarat Tambahan:** Keutamaan diberi kepada calon yang berasal dari Sibul)

**( c) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan dibawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.